

30 pasukan bakal sertai Debat Perdana Integriti di UUM

KUALA LUMPUR - Institut Integriti Malaysia (IIM) akan menganjurkan Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara Institusi Pengajian Tinggi 2011 pada hari ini hingga 21 Mac ini.

Pengarah Sektor Sosio-budaya IIM, Hamilye Sham Harun berkata, Universiti Utara Malaysia (UUM) te-

lah dipilih sebagai tuan rumah pertandingan kali ketujuh itu.

Ujarnya, sebanyak 30 pasukan akan bertanding yang mewakili institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta Ins-



IIM untuk mempromosi serta membudayakan etika dan integriti di kalangan

Kosmo 17/3/2011 161

titut Pendidikan Guru.

"Pertandingan itu bertemakan *IMalaysia Berintegriti* sesuai dengan usaha

warga kampus," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Hamilye Sham berkata, pertandingan yang diadakan dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia itu berkonsep ala Parlimen yang bakal mengetengahkan pelbagai topik seperti pentadbiran,

politik, ekonomi dan sosio-budaya.

Juara pertandingan akan menerima piala pusingan Perdana Menteri serta wang tunai sebanyak RM6,000.

Naib juara akan menerima RM4,000 manakala kedua-dua pasukan yang layak ke separuh akhir me-

raih RM2,000.

Beberapa agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Alam Sekitar dan Dewan Bahasa dan Pustaka akan membuka gerai pameran sepanjang pertandingan itu.